

04/10/1998

Putera raja berjiwa rakyat

iewed by Badrila Jamlus

PENULISAN biografi terutama mengenai golongan Diraja dan tokoh ternama negara bukan perkara baru di negara ini, tetapi tidak banyak penulis yang menghasilkan buku seumpama itu, terutama apabila penulisnya adalah anaknya sendiri.

Jadi, kehadiran buku Tunku Abdullah "A Passion Of Life" yang ditulis anak bongsunya sendiri, Tunku Halim sesuatu yang bermakna.

Buku ini ditulis bukan untuk menonjol atau mengangkat ayahandanya, tetapi bagi merakamkan sejarah kehidupan Tunku Abdullah - seorang pemimpin yang mencipta legenda sendiri pada peringkat negeri dan negara.

Buku itu dilancarkan oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar Ibni Al Marhum Tuanku Abdul Rahman baru-baru ini dan kata-kata aluannya diberikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tunku Abdullah adalah anakanda Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang pertama iaitu Almarhum Tuanku Abdul Rahman.

Buku ini penting kerana ia merakam sejarah perjalanan hidup seorang putera raja yang dedikasi dan turut terbabit dalam dunia politik apabila memegang jawatan sebagai Ahli Parlimen Rawang semasa pemerintahan Tun Abdul Razak pada tahun 1964.

Buku ini dibahagikan pada 16 bab dengan 244 halaman didahului masa kanak-kanak dan remaja Tunku Abdullah, zaman di antara sekolah Melayu dan Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) yang sememangnya menjadi institut pengajian tinggi elit untuk anak Melayu.

Kenangan lain baginda ialah termasuk perjalanan ke Eropah dan sewaktu berkhidmat sebagai tentera di Jabatan Perhubungan Awam di Jepun.

Diputerakan pada 2 Mei 1925 di Hospital Wanita, Kuala Pilah, Negeri Sembilan dan ketika berusia 11 tahun memasuki MCKK. Seperti anak Melayu, Tunku Abdullah diberi penekanan kepada pendidikan agama.

Ketika menuntut di MCKK, baginda bergiat aktif dalam bidang sukan terutamanya bola sepak, hoki, kriket dan tenis.

Baginda juga adalah bekas Presiden Majlis Belia Malaysia dan pernah menggemparkan negara apabila mengadakan lawatan sebagai ahli perniagaan ke Israel pada tahun 1994 walaupun ketika itu Malaysia tidak menjalin sebarang hubungan diplomatik dengan negara itu.

(END)